Kolej Petronas UUM anjur majlis Hidup Berharmoni

UM 22/7/05 6:1

KIRA-KIRA 1,000 pelajar baru, lama dan pentadbir Kolej Petronas, Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menyertai majlis interaksi yang bertemakan 'Hidup Berharmoni' sempena pendaftaran pelajar bagi sesi 2005/2006 selama dua hari mulai petang ini.

Program yang dikenali dengan Integrasi Senior- Junior itu akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Pembangunan Pelajar Kolej (JPPK) bertujuan mengeratkan silatulrahim antara pelajar baru, lama dan pihak pengurusan kolej.

Menurut Pengarah projek itu, Mohamad Razlan Mohamad Zainy, matlamat utama aktiviti itu ialah bagi membentuk warga kolej yang prihatin dan saling mengenali antara satu sama lain sepanjang mereka tinggal di situ.

Katanya antara aktiviti yang telah dirancang selama dua hari itu ialah gotong-royong, sukaneka, perlawanan persahabatan dalam acara sukan, solat hajat dan aktiviti secara berkumpulan.

Pihak JPPK dan pentadbir percaya dengan program seperti ini bukan sahaja dapat merapatkan hubungan mereka malah dapat mengenali antara satu sama lain di samping menghidupkan semangat kekeluargaan di antara kamiî, katanya.

Sesungguhnya aktiviti itu dilihat dapat menjadikan warga Kolej Petronas hidup sebagai sebuah keluarga yang bahagia kerana saling kenal-mengenali dan boleh berinteraksi antara satu sama lain sekiranya mempunyai masalah.

Sementara itu Pengetua Kolej, Muhammad Salleh Ahmad Fadzilah melahirkan rasa bangga kerana JJPK yang dilantik bukan sahaja merancang aktiviti untuk pelajar malah dapat menganjurkan aktiviti yang membabitkan pentadbir kolej.

Katanya, program tahunan itu adalah selaras dengan hasrat Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr. Shafie Mohd Salleh yang mahukan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) memainkan peranan supaya pelbagai aktiviti dapat dirancang di peringkat universiti untuk mencungkil bakat kepimpinan di kalangan pelajar.

Beliau berkata, bagi menyahut saranan Menteri Pengajian dan TNC HEPA UUM, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ahmad maka JPPK dengan kerjasama pihak kolej mengadakan program selama dua hari walaupun mereka telah lalui program suaikenal ketika mula mendaftar pada 3 Julai lalu.

UUM/BAKI/UUM/22.07.2005/P: 6(1).